



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**KOSMETIK YANG DIKESAN
MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL**

Putrajaya, 2 Disember 2025 — Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menggesa orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan kosmetik-kosmetik berikut kerana dikesan mengandungi racun berjadual seperti di bawah:

Bil.	Nama kosmetik	Racun Berjadual Yang Dikesan
1	UYANA TONE UP NIGHT CREAM	Merkuri

Susulan daripada itu, notifikasi kosmetik-kosmetik terlibat **telah dibatalkan** oleh Pengarah Perkhidmatan Farmasi, KKM dan **tidak lagi dibenarkan** untuk dijual di Malaysia.

PERIHAL BAHAN RACUN BERJADUAL

Merkuri dilarang di dalam kosmetik kerana ia boleh diserap masuk ke dalam badan dan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Ia juga boleh mengganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau yang belum dilahirkan. Merkuri juga boleh menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit.

PERINGATAN KEPADA PENJUAL DAN PENGEDAR KOSMETIK INI

Penjual dan pengedar kosmetik ini perlu menghentikan penjualan dan pengedaran kosmetik tersebut **dengan serta-merta**. Penjualan dan

pengedaran kosmetik ini adalah melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

PERINGATAN KEPADA ORANG AWAM

Orang awam yang sedang menggunakan kosmetik-kosmetik ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers.

Orang awam digalakkan untuk menyemak status notifikasi sesuatu kosmetik dengan melayari laman sesawang rasmi NPRA www.npra.gov.my.

— TAMAT —

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



LAMPIRAN GAMBAR PRODUK

